



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

26 Mac 2020

1. Pada hari ini, 01 Syaaban 1441 bersamaan 26 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **5 lagi kes baru** yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 114 orang.**

- Kes 110 berumur 21 tahun ialah seorang warga tempatan yang telah pulang ke negara ini dari United Kingdom pada 23 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI004 (tempat duduk 35E). Beliau mula mengalami batuk dan sakit tekak pada 20 Mac 2020.
- Kes 111 berumur 42 tahun mempunyai hubungan dengan kluster yang berkaitan dengan Kes 73, 80, 88, 101, 108, 109, 112 dan 114. Beliau mempunyai sejarah perjalanan ke United Kingdom dan telah pulang ke negara ini pada 15 Mac 2020 di mana ujian makmal beliau pada ketika itu adalah negatif. Walau bagaimanapun, beliau telah kemudiannya terdedah kepada beberapa kes yang telah disahkan dengan COVID-19. Beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.

- Kes 112 berumur 51 tahun juga mempunyai hubungan dengan kluster yang berkaitan dengan Kes 73, 80, 88, 101, 108, 109, 111 dan 114. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara. Ujian awal makmal beliau pada 20 Mac 2020 adalah negatif dan beliau telah mula menjalani kurantin sejak hari tersebut. Walau bagaimanapun, beliau telah sekali lagi menjalani ujian makmal pada 24 Mac 2020 berikutan pengesahan Kes 101 di dalam kluster berkenaan.
- Kes 113 berumur 20 tahun adalah merupakan anak kepada kes 103. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah mula mengalami demam panas dan sakit kepala pada 22 Mac 2020. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa penyiasatan kes bagi Kes 103 masih lagi giat dijalankan.
- Kes 114 berumur 50 tahun mempunyai hubungan dengan kluster yang berkaitan dengan Kes 73, 80, 88, 101, 108, 109, 111 dan 112. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara. Ujian awal makmal beliau pada 20 Mac 2020 adalah negatif dan beliau telah mula menjalani kurantin sejak hari tersebut. Walau bagaimanapun, beliau telah sekali menjalani ujian makmal pada 24 Mac 2020 berikutan pengesahan Kes 101 di dalam kluster

berkenaan. Beliau telah mula mengalami demam panas dan selsema pada 24 Mac 2020.

2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, pada hari ini tiga kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah. Oleh itu, setakat ini sejumlah 5 orang telah sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah. Ini juga bermakna daripada 109 kes yang masih dirawat di Pusat berkenaan, seorang masih dalam keadaan kritikal, memerlukan bantuan mesin pernafasan dan alat bantuan *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, tiga orang lagi dalam pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.
3. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini seramai 1,221 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 794 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 4,519 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
4. Kementerian Kesihatan sangat menghargai kerjasama dan bantuan yang telah diberikan oleh pihak sukarelawan dalam usaha Kerajaan mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini. Dedikasi dan komitmen yang telah diberikan dari segi masa, tenaga dan bahkan kewangan peribadi

adalah merupakan satu pengorbanan besar terhadap keselamatan dan kesejahteraan negara. Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memberikan keyakinan kepada para sukarelawan dan para ibu-bapa atau penjaga bahawa setiap tugas yang diaturkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk para sukarelawan adalah berupa tugas rendah risiko atau '*low risk tasks*'. Di antara tugas tersebut ialah seperti pemeriksaan suhu badan; membantu dalam kerja-kerja sekretariat di fasiliti-fasiliti pemantauan atau pengasingan; dan sebagainya, menurut garis panduan yang telah disediakan oleh agensi-agensi yang terlibat. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan sangat mengharapkan kerjasama dan bantuan yang berterusan dari pihak sukarelawan. Teruskanlah menyumbangkan khidmat bakti kepada negara serta komited dalam bersama-sama membantu Kerajaan demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 1 Syaaban 1441H / 26 Mac 2020